







Kementerian Penerangan,
Komunikasi dan Kebudayaan




Sari Pustaka



Sari Pustaka
Bil 3/2011

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Akhirnya kutemui cinta-Mu....lalu aku pun memeluk Islam

Bangi, Selangor : Utusan Karya, 2011. 206ms.
ISBN 978-967-5780-11-0

ULASAN

Buku ini merupakan sebuah buku istimewa yang menghimpunkan kisah-kisah saudara baru yang memilih Islam sebagai agama baru mereka. Buku ini diinspirasikan daripada kolumn Nur Ilahi di dalam majalah Al Islam mengenai kisah-kisah tersebut. Kolumn tersebut yang dimulakan lebih lima tahun lalu amat diminati oleh para pembaca. Ia menyarkan cerita-cerita pengislaman dalam dan luar negara, yang berhijrah dari agama asal mereka atau dari dunia atesis yang angkuh serta menafikan kewujudan Allah. Mereka telah melalui perjalanan hidup yang berbagai-bagai, gelap, sompong serta tercari-cari erti kebahagiaan hakiki, hingga menemuinya di dalam Islam, sebuah agama yang sebelum itu mereka benci dan takuti.

Sebahagian daripada mereka asalnya langsung tidak mempercayai kewujudan Tuhan, manakala sebahagian lagi membenci Islam kerana dianggap kolot dan ganas. Tetapi benarlah, apabila cahaya hidayah sudah menyinari hati, apabila kebenaran mencuit minda dan cinta Ilahi itu telah menyentuh jiwa, tiada apa dan siapa lagi dapat

membendungnya.

Buku ini dibahagikan kepada tiga bab. Pertama, tentang perkembangan pesat Islam di seluruh dunia pada masa kini, hingga disebutkan oleh banyak pihak sebagai agama paling pantas berkembang di planet bumi. Artikel tersebut kemudian diiringi oleh kisah-kisah ringkas pengislaman tokoh-tokoh terkenal di seluruh dunia. Bab kedua adalah kisah-kisah pengislaman saudara-saudara baru di Malaysia seperti Nazrey Juhani (bekas anggota kumpulan nasyid Raihan), Susan Manen dan Johan Abdullah (pelakon), Iman Wan (pencipta lagu), Satilah Abdullah (ibu penyanyi Ning Baizura), Ustaz Farhan Abdullah, Yusuf Estes dan Ustaz Fitri Abdullah (bekas mubaligh) . Bab ketiga memaparkan kisah pengislaman tokoh-tokoh terkenal di seluruh dunia seperti Mike Tyson, Jermaine Jackson, Alexander Litvinenko (perisik KGB Rusia), Loon (penyanyi rap terkenal Amerika Syarikat), Lauren Booth (adik ipar bekas Perdana Menteri Britain, Tony Blair), Johann Wolfgang von Goethe (penulis terkenal Jerman abad ke-18). Kisah pengislaman tokoh-tokoh ini dan pengorbanan mereka untuk menegakkan agama Allah membangkitkan rasa bangga dan cinta kita kepada Islam.

Buku ini bukan bertujuan untuk menyerang atau memburuk-burukkan mana-mana agama, tidak sama sekali. Buku ini sebaliknya diterbitkan bagi membantu usaha dakwah mengangkat agama Islam ke tahap yang teratas sebagai agama suci. Seperti yang diketahui, Islam kini diserang dari segenap sudut, maka diharapkan buku ini dapat membantu menangkis fitnah-fitnah tersebut, sekali gus menyerlahkan ajaran sebenar Islam sebagai sebuah agama yang suci.

Penulis juga berharap agar buku ini dapat dijadikan panduan kepada anggota masyarakat yang mahu mengenali Islam dengan lebih dekat, dan yang mahu memeluk agama ini. Semoga perkongsian pengalaman melalui buku ini dapat membantu anda semua. Mungkin hasil daripada membaca buku ini, pembaca semua akan dapat bersama-sama berganding bahu menyebarkan dakwah Islam ke seluruh pelosok bumi seperti yang dilakukan oleh Nazrey Juhani, Loon, Ustaz Farhan, Lauren Booth, Ustaz Firti dan sebagainya yang akan pembaca baca kisah-kisah mereka di dalam buku ini.

Bersyukur kepada Allah S.W.T, pertambahan jumlah saudara baru kini semakin


melonjak tahun demi tahun. Dalam hal ini, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan pertubuhan-pertubuhan lain serta individu-individu yang memainkan peranan penting dan berusaha tanpa jemu dalam menjalankan dakwah tersebut. Sebagai contoh PERKIM, merupakan pertubuhan paling serius menjalankan usaha ini, hingga menjangkau ke luar negara.

Teknik penulisan buku ini agak berbeza, setiap huraihan dan ilustrasi yang digambarkan penulis sangat jelas dan dapat diterima akal. Buku ini sesuai dan wajar dibaca oleh pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah, IPT, individu-individu dan yang paling penting sekali saudara baru supaya kisah-kisah yang terkandung di dalam buku ini dapat memberi kekuatan kepada mereka bahawa pilihan mereka untuk memeluk agama Islam adalah satu pilihan yang paling tepat dan menjamin kehidupan mereka baik di dunia maupun di akhirat.

Pengulas:

Noormey Mohd Nor
Penolong Pengarah
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



NORAN FAUZIAH YAAKUB

**Buli di sekolah : apa yang kita tahu dan apa yang
boleh kita buat**

Petaling Jaya : Sutrapadu (M), 2011. 219ms.

ISBN 983-2694-62-0

ULASAN

Gejala buli di sekolah merupakan satu perlakuan negatif yang perlu diberi perhatian kerana ia mengakibatkan kecederaan sama ada dari segi fizikal mahupun psikologikal kepada orang yang dibuli. Dada-dada akhbar sering memaparkan kejadian buli yang berlaku di sekolah yang mengakibatkan kecederaan dan secara tidak langsung kejadian-kejadian tersebut telah mencetuskan perdebatan yang hangat di kalangan pelbagai lapisan masyarakat. Di Malaysia, kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa gejala buli di sekolah masih pada peringkat awal dan masih boleh dikawal. Namun begitu, langkah-langkah untuk mengawal dan mengatasinya perlu dilaksanakan bersama agar gejala buli ini tidak menjadi lebih serius.

Dalam buku ini, penulis memberi tumpuan kepada pemahaman tentang konsep buli, jenis-jenis buli, fakta tentang buli, di mana sering berlaku, kenapa kanak-kanak terlibat dengan perbuatan tersebut, profil pembuli, mangsa dan penyaksi, serta kesan buli

secara jangka pendek dan jangka panjang. Penulis juga mengetengahkan dapatan kajian tempatan yang dilakukan ke atas pelajar sekolah rendah dan menengah. Selain itu, penulis juga menyelitkan petikan kes-kes buli yang dilaporkan oleh media bagi tempoh 2003-2005 dan turut menyediakan ilustrasi senario buli biasa berlaku.

Buku ini turut menghuraikan model pencegahan buli yang telah dicadangkan oleh Olweus dan telah dilaksanakan di sekolah-sekolah di Norway. Selain itu, beberapa model antibuli lain yang telah dicuba di beberapa negara lain seperti Kanada, Jerman, Australia, Ireland, Sepanyol, England, Amerika Syarikat dan Switzerland turut dibentangkan. Memandangkan belum ada program antibuli dijalankan dalam negara atau kajian mengeninya dibuat, maka adalah menjadi harapan penulis agar model intervensi yang pernah dicuba di luar negara dibuat rujukan dan disesuaikan untuk kegunaan setempat. Di samping itu, penulis juga berharap agar program antibuli yang berasaskan penyelidikan ini dapat membantu semua pihak yang mempunyai kepentingan dalam mengurangkan tingkah laku agresif ini.

Penulis turut mengupas peranan ibu bapa membantu anak-anak yang menjadi mangsa buli ataupun pembuli sekaligus mencegah gejala buli. Langkah pencegahan buli di sekolah, tidak seharusnya bergantung 100% di bahu pihak sekolah semata-mata. Ibu bapa secara berseorangan atau melalui PIBG turut berperanan dalam program pencegahan buli. Ibu bapa perlu mengenal pasti anak mereka sama ada mereka menjadi mangsa buli, pembuli atau penyaksi. Ibu bapa perlu tahu bagaimana mengendalikan atau memberi kaunseling mudah kepada anak-anak yang terjebak dalam gejala buli di sekolah. Tanpa penglibatan ibu bapa, program pencegahan buli tidak akan berjaya sepenuhnya. Oleh yang demikian, ibu bapa, pihak sekolah dan juga PIBG perlu berganding bahu agar gejala buli di sekolah dapat dibasmi.

Kesimpulannya, buku ini sesuai untuk dijadikan panduan dan bacaan umum dalam usaha kita membasmi gejala buli di sekolah. Dengan gaya penulisan yang bersahaja, penulis menyelitkan fakta-fakta dan ilustrasi yang menarik bagi membuatkan buku ini tidak membosankan dan berunsur santai. Di samping itu, program-program anti buli luar negara yang dinyatakan di dalam buku ini wajar dijadikan panduan dan rujukan kerana kebanyakan program tersebut menunjukkan keberkesanannya dalam

mengurangkan gejala buli di sekolah.

Pengulas:

Habirah Mohamad

Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



RAZZI ARMANSUR

Hidup untuk menang

Batu Caves, Selangor : PTS Professional Pub., 2011.

278ms.

ISBN 978-967-369-044-2

ULASAN

Buku ini ditulis oleh seorang pakar motivasi bisnes yang telah menghasilkan 20 buah buku dan meraih gelaran penulis *best seller*, MLM, dan kewangan peribadi. Maklumat lanjut mengenai penulis boleh dicapai melalui laman web beliau www.RazziArmansur.com.

Penulis menekankan tentang pentingnya kemenangan dalam kehidupan kerana kehidupan adalah satu perjalanan. Setiap perkara yang dilakukan adalah berkait dengan perkara lain dan meninggalkan kesan kepada kita pada masa hadapan dan kepada orang sekeliling kita. Justeru kita perlu belajar bagaimana untuk mencapai kemenangan dalam kehidupan. Kemenangan yang dimaksudkan ialah kemenangan untuk dunia dan akhirat yang tidak menyebabkan kemusnahan pada orang lain kerana segala yang dilakukan di dunia memberi kesan di akhirat kelak.

Buku ini menggariskan prinsip-prinsip asas berdasarkan teori dan juga teknik untuk

mencapai kemenangan yang dimaksudkan. Teknik yang diketengahkan ialah Neuro-Linguistic Programming (NLP) yang berkaitan dengan bahasa, pemikiran, tingkah laku yang diperlukan bagi mencapai matlamat iaitu kejayaan. Apa yang menarik ialah teknik ini sebenarnya secara tidak sedar telah digunakan oleh umat Islam sejak sekian lama sebelum diperkenalkan oleh orang asing. Ianya berlandaskan kepada konsep HIJRAH, iaitu berpindah daripada keadaan yang kurang baik kepada keadaan yang lebih baik.

Bagi mencapai kemenangan, seseorang itu perlu mengatasi halangan pertama iaitu sifat semula jadi manusia yang cepat mengaku kalah sebelum mencuba. Penulis mengingatkan kita bahawa kemenangan pertama telah ada dalam diri seseorang yang dilahirkan ke dunia ini kerana Al-Quran menjelaskan bahawa kita adalah makhluk Allah yang istimewa dan yang terbaik. Maka kita perlu yakin untuk terus mencapai kemenangan tanpa dipengaruuh unsur-unsur negatif dalam diri dan sekeliling kita dengan menukar sudut pandangan, pendengaran dan perasaan daripada kekalahan kepada kemenangan. Manusia hendaklah menghindari pemikiran yang menjiru kepada kekalahan iaitu, menumpu kepada kekurangan diri dan tidak percaya pada diri sendiri. Seterunya penulis menyarankan supaya hak untuk menang diperjuangkan dengan menghapuskan halangan-halangannya di luar dan dalam diri, mengetahui dan melaksanakan prinsip yang dapat menyokong kemenangan dan bertindak untuk mencapai kemenangan.

Melalui buku ini penulis mengenangkan teknik NLP atau HIJRAH untuk mengatasi perasaan ragu dan kritik dalam diri dan seperti Duck's Voice Pattern dan pelbagai halangan lain menggunakan teknik mengenal diri sendiri seperti teknik Pejam dan Ingat dan Paten accessing Mastery State of Mind. Seterusnya penulis memberikan teknik untuk mengetahui halangan-halangan untuk mencapai kejayaan langkah demi langkah. Pembaca juga dibekalkan dengan teknik mencipta kejayaan dan kemenangan dengan menggunakan Program 7 Hari Untuk Mencipta Kemenangan.

Dengan strategi, teknik dan semangat yang betul, kita mampu mencapai apa yang dihajatkan. Sebagai manusia, kita hanya ada dua pilihan iaitu menang atau kalah. Pilihan ini di tangan kita kerana kita bebas membuat pilihan dengan menggunakan akal. Idea-idea daripada dalam buku ini bertujuan merangsang serta membimbing kita

mencapai kemenangan dalam hidup. Menurut penulis, teori dan praktikal perlu digabungkan untuk mencapai kemenangan. Kemenangan ini mesti tidak dapat lari daripada tiga hubungan iaitu hubungan dengan Allah, manusia dan alam sekitar. Walau bagaimanapun kemenangan di dunia ini adalah alat bagi memperoleh kemenangan di akhirat kelak.


Pengulas:

Abdul Jalil Awang

Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Teknik
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



WINDURA, TONNY
Melatih anak berfikir : teknik mengajar anak menjadi genius

Batu Caves, Selangor : PTS Professional Pub., 2011.
192ms.

ISBN 978-967-369-062-6

ULASAN

Anak-anak mempunyai potensi perkembangan otak yang luar biasa. Maka potensi otak mereka perlu diperkembangkan ke tahap sebenarnya melalui pengurusan minda yang sistematik. Buku ini member panduan kepada ibu bapa atau guru mengenal pasti potensi anak dan mengenangkan prinsip belajar menggunakan sistem pengurusan minda yang betul.

Penulis mendedahkan bahawa otak anak-anak tidak berkembang kerana tidak dilatih menggunakan kedua-dua belah otak kanan dan kiri dengan teknik belajar yang efektif. Buku ini mengandungi 18 bab yang memfokuskan kepada teknik berfikir yang betul untuk pelajar sekolah bermula sejak awal persekolahan, dominasi otak kiri dan kanan, gaya belajar individu, kecerdasan berganda dan kecerdasan keperibadian. Ini membolehkan pelajar mengenalpasti teknik dan peralatan yang sesuai dengan mindanya supaya proses pembelajaran menjadi lebih efisien, efektif dan menyeronokkan.

Penulis turut menyelitkan latihan dan kata-kata hikmah atau perangsang pada hampir setiap bab yang menarik minat pembaca yang disampaikan secara bersahaja. Antaranya termasuk teknik belajar yang lebih bersistematis seperti Sistem Peta Minda, keterampilan mengingat dan keterampilan belajar berserta huraian langkah demi langkah secara terperinci supaya anak-anak dapat memahami dan mengingati subjek yang dipelajarinya.

Di samping itu, penulis menekankan tentang teknik daya ingatan. Menghafal adalah keupayaan memasukkan informasi ke dalam otak manakala mengingat kembali adalah keupayaan mengeluarkan informasi daripada otak. Prinsip teknik daya ingatan yang terbaik dapat menggabungkan dua atau lebih daripada lima hukum daya ingatan iaitu hukum gambar, hukum pertindihan, hukum pengulangan, hukum keunikan dan hukum penguatan yang penting untuk mengingati perkara yang dipelajari.

Turut dibincangkan ialah teknik keterampilan belajar yang sebenarnya biasa dipaktiskan secara tidak langsung oleh pelajar. Apabila ketiga-tiga teknik tersebut diperaktikkan dengan baik dan bersesuaian dengan gaya pembelajaran akan membuatkan pembaca merasa belajar itu menyeronokkan.


Pengulas:

Iliza Ismail

Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Teknik
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ABD. RAHMAN ABD. HAMID, DATO'

Mengurus masa depan : jadikan impian suatu realiti
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.
215ms.

ISBN 978-983-46-0780-7

ULASAN

Buku ini memberi fokus kepada kaedah pengurusan diri dan organisasi terutamanya untuk kakitangan awam dengan memberi inspirasi untuk menjadi pengurus dan pekerja yang lebih cemerlang. Dimulakan dengan persoalan mengurus impian diri, kepimpinan organisasi serta kelemahan pengurusan, penulis turut mengenangkan idea-idea untuk menyelesaikan persoalan yang timbul secara jelas berdasarkan kepada amalan-amalan baik serta contoh-contoh daripada pengalaman penulis sebagai penjawat awam selama 34 tahun.

Kesanggupan menghadapi cabaran, masalah dankekangan apabila melakukan sesuatu yang baru amat penting untuk merealisasikan impian. Kesediaan mengatasi masalah dan bertekad meneruskan usaha akan menjadikan seseorang pemimpin atau organisasi itu matang, lebih kuat dan bersedia menerima tanggungjawab yang lebih besar.

Kepimpinan organisasi memerlukan pengurus yang bersedia untuk menguruskan kejayaan dan bukan menguruskan kegagalan. Kejayaan kepimpinan organisasi perlu sentiasa mengutamakan empat perkara dalam bertindak, iaitu hala tuju, kegigihan, berdaya maju dan disiplin. Penulis turut menggariskan beberapa sikap yang patut menjadi amalan iaitu ‘sikap kekitaan’ dan ‘sikap pemilik organisasi’. Di sebaliknya, sikap negatif seperti ‘sikap keakuan’, ‘urusan peribadi’, ‘urusan individu tertentu’ dan ‘sikap pelancong organisasi’ perlu dielakkan kerana sikap-sikap tersebut adalah perosak organisasi.

Kejayaan sesebuah organisasi bergantung kepada penglibatan menyeluruh setiap anggota organisasi, bermula daripada pengurusan atasan, penyelia dan pekerja. Penulis turut memperincikan ciri-ciri penting bagi pekerja yang menjadi pilihan pengurus seterusnya membantu merealisasikan impian organisasi.

Buku ini mudah difahami kerana ditulis dalam bahasa yang santai dengan disertakan huraian, contoh dan juga gambarajah. Di samping itu, penulis turut memberi rujukan kepada tulisan oleh para penyelidik, ayat-ayat al-Quran dan hadis, kisah-kisah dari zaman khalifah Islam, kisah-kisah imaginasi dan pengalaman penulis sendiri. Penulis juga menyarankan agar setiap pemimpin sentiasa memohon bantuan dan petunjuk Allah swt di samping bermesyuarah dalam membuat sesuatu keputusan.

Penulis turut menekankan kepentingan jati diri dalam kalangan penjawat awam dengan mendalami sejarah kemerdekaan Malaysia kerana penjawat awam adalah antara golongan yang telah memperjuangkan kemerdekaan yang dinikmati pada hari ini. Kesedaran tentang erti kemerdekaan dan perjuangan pemimpin terdahulu perlu ditanam dalam menuju hidup yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

Di samping itu, buku ini turut membincangkan tentang perkembangan terbaru dalam bidang ICT dan trend mega ekonomi terhadap organisasi pada hari ini. Sektor awam perlu berkembang, seiring dengan perubahan semasa, pasaran dan trend ekonomi global. Usaha perlu dipertingkatkan untuk melahirkan pekerja kolar emas sektor awam. Kecemerlangan organisasi memerlukan pemimpin yang berani membuat perubahan, cintakan ilmu pengetahuan serta percaya bahawa modal insan adalah cabaran utama

dalam pembangunan organisasi.


Buku ini amat sesuai dijadikan rujukan penting oleh penjawat awam sebagai panduan dan motivasi untuk menghadapi perkhidmatan awam yang penuh cabaran.

Pengulas:

Siti Manoriah Saleh
Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Teknik
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



MUHABIR IBRAHIM

Rahsia kerjaya

Ampang, Selangor : Pekan Ilmu Publications, 2011.

161ms.

ISBN 978-967-5841-12-5

ULASAN

Setiap orang sudah tentu mengidamkan kerjaya yang baik terutamanya dalam sektor awam kerana terdapat faktor-faktor tarikan, faedah dan kemudahan yang disediakan. Menurut Tolbert (1994), kerjaya didefinisikan sebagai rangkaian pekerjaan yang melibatkan diri seseorang individu. Sesetengah individu mungkin akan kekal dengan satu pekerjaan sepanjang hidupnya dan ada juga individu yang gemar bertukar-tukar pekerjaan. Kerjaya menurut Super (1957, 1972) pula merangkumi persediaan-persediaan yang dilakukan oleh seseorang individu sebelum bekerja dan juga peranan lain yang dilakukan selepas bersara.

Buku ini secara tidak langsung merupakan panduan kepada individu yang mempunyai niat, cita-cita, harapan, keazaman, minat dan kecenderungan untuk berkhidmat dengan sektor awam. Walaupun pernah beberapa kali gagal dan tidak berputus asa untuk mencapai cita-cita dalam kerjaya mereka.

Penulis memulakan huraianya dengan persoalan ke manakah haluan seseorang itu selepas menamatkan pelajaran di persekolahan. Maklumat tentang panduan dalam mencari kerja yang sesuai serta peluang-peluang lain yang masih belum diteroka diberikan oleh penulis. Penerangan secara ringkas mengenai bentuk-bentuk pekerjaan dapat memberikan sedikit maklumat berkaitan sesuatu pilihan yang ada pada individu itu dalam menentukan hala tuju selepas tamat belajar.

Penulis turut menyentuh serba sedikit maksud sektor awam dan keistimewaananya seperti kemudahan hospital dan perubatan, bayaran pencen, pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan, peluang-peluang latihan dan sebagainya turut diterangkan.

Penerangan secara lebih lanjut berkenaan sektor awam dari segi fungsi, pihak yang bertanggungjawab dalam membuat perlantikan dan maklumat perkhidmatan turut dimuatkan di dalam buku ini.

Pembaca juga dinasihatkan supaya mengenali diri sendiri dalam pelbagai aspek sebelum memohon sesuatu jawatan. Sekurang-kurangnya individu itu dapat mengenalpasti kelemahan dan memperbaiki segala kelemahan yang ada. Sekiranya individu itu dapat mengenali diri dengan baik, mereka akan dapat menyesuaikan potensi yang ada dengan jawatan yang dipohon.

Penulis juga menekankan supaya memberi perhatian kepada setiap prosedur atau syarat-syarat permohonan sesuatu jawatan itu agar tidak berlaku kesilapan atau wujud sikap terlepas pandang. Ini penting bagi mengelakkan permohonan sesuatu jawatan itu ditolak.

Penulis turut memberi panduan dan persediaan yang perlu diberi perhatian bagi pemohon yang menduduki peperiksaan sebagai tapisan dalam proses permohonan jawatan bagi skim perkhidmatan tertentu serta persediaan yang mantap sebelum melangkah ke dewan peperiksaan.

Persediaan serta persiapan yang perlu dilakukan sebelum menghadiri temuduga dan sistem temuduga yang digunakan di dalam sektor awam turut diuraikan. Penulis

menjelaskan maklumat-maklumat yang mungkin tidak disampaikan kepada calon dan dapat mengelakkan kekeliruan yang timbul. Ini disebabkan kadangkala kita cepat terpengaruh dengan cerita yang disampaikan tanpa menyelidikinya terlebih dahulu. Penekanan kepada faktor-faktor kegagalan kepada permohonan sesuatu jawatan juga dibincangkan supaya individu yang membuat permohonan dapat mengambil perhatian terhadap faktor tersebut dan perlu dipelajari agar tidak mengulangi kesilapan yang telah dilakukan oleh calon lain sebagai pengajaran.

Penulis telah menunjukkan jalan-jalan penerokaan kerjaya di sektor awam berdasarkan kepada pengetahuan dan maklumat yang telah disampaikan. Begitu juga pengalaman yang diuntaikan dalam buku ini dapat memberikan manfaat yang berguna. Perlu diingat buku ini bukan segalanya sebagai jaminan untuk berkhidmat di sektor awam, sebaliknya perlu diiringi dengan usaha yang bersungguh-sungguh.

Buku ini sesuai kepada individu yang mencari buku mengenai kerjaya di sektor awam. Dengan gaya penulisan yang menggunakan bahasa yang mudah dan santai buku ini dapat membantu untuk meneroka alam kerjaya di sektor awam. Di samping itu buku ini membongkar kesilapan-kesilapan biasa yang dilakukan oleh calon-caon temuduga agar tidak diulangi oleh calon-calon yang lain. Seterusnya dapat menyusun strategi yang ampuh sebelum menghadiri temuduga dan menyiapkan bekalan sebelum meneroka lebih jauh lagi di alam kerjaya.


Pengulas:

Nor Amin Maidin

Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



NATRA ABD HAMID
Rahsia menjadi lepasan graduan berjaya : motivasi dan panduan membina kerjaya
Petaling Jaya : Truewealth, 2011. 167 ms.
ISBN 978-967-5428-64-7

ULASAN

Buku ini merupakan sebuah buku yang sangat berguna buat bacaan setiap orang terutamanya insan bergelar graduan. Buku ini boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan untuk membantu golongan lepasan diploma/ijazah menjadi graduan berjaya dan berkerjaya dalam memulakan langkah pertama dalam bidang pekerjaan. Buku ini secara langsung dihasilkan khas untuk para graduan, bakal graduan dan bekas-bekas graduan yang masih lagi tidak mempunyai pekerjaan tetap, menganggur.

Antara lain, aspek yang diterangkan dalam buku yang mengandungi 15 bab ini adalah panduan berguna yang dapat membantu golongan graduan dan anak muda mendapatkan pekerjaan atau bekerja sendiri, mencari ruang dan peluang bagi mendapat pendapatan sendiri, memberi motivasi, semangat dan inspirasi bagi mencapai matlamat dan hala tuju dalam kehidupan serta menjadikan diri kita semua bangsa maju dan berjaya.

Pada awal penulisan buku ini, adalah berkisar tentang latar belakang kehidupan penulis yang merupakan seorang anak yang dibesarkan dalam keluarga usahawan dan dididik untuk berdikari sejak dari kecil lagi. Beliau pernah menyertai *Multi Level Marketing* (MLM) dan telah berjaya bergelar pengurus pada usia belasan tahun dan seawal umur 20 tahun. Beliau juga sudah melibatkan diri dalam perniagaan harta tanah yang diusahakan ayah beliau. Dalam usia yang muda beliau dapat membuka perniagaan pusat tuisyen serta dapat meluaskan cawangan ke beberapa buah tempat atas permintaan ramai.

Penulisan buku ini juga menyentuh tentang pengangguran di kalangan graduan yang disebabkan oleh lambakan siswazah dalam sesuatu bidang seperti teknologi maklumat, sastera, sains sosial dan pengurusan perniagaan dan ramai graduan yang tidak dapat memenuhi kehendak pasaran pekerjaan. Antara penyebab kepada punca pengangguran adalah sikap graduan yang cerewet memilih pekerjaan, kurang kemahiran tambahan, malas, tidak tahu mengambil peluang yang ada, tiada matlamat dan tiada keyakinan diri. Fakta graduan menganggur dalam bentuk berita dan statistik juga disediakan sebagai rujukan dan panduan pembaca sekalian.

Rahsia untuk menjadi graduan yang berjaya juga disentuh. Ia adalah menggunakan potensi diri dengan sentiasa menimba ilmu pengetahuan yang tinggi dan mengamalkannya serta mempunyai motivasi diri bagi memenuhi keperluan pekerjaan yang ditawarkan di pasaran sekarang. Graduan juga seharusnya berani mencuba sesuatu yang baru dan mempunyai matlamat hidup bagi menggapai impian dan kecemerlangan diri. Pengurusan masa dan disiplin juga amat perlu dalam meningkatkan potensi diri dan mengatur kehidupan yang lebih terperinci dan berkesan.

Dengan gaya penulisan yang bersahaja tetapi jelas, buku ini sesuai untuk dijadikan rujukan dan bacaan umum untuk semua golongan terutamanya pelajar lepasan SPM, penuntut-penuntut kolej dan universiti, graduan yang masih menganggur dan tidak mempunyai kerja tetap, pekerja yang masih tidak dapat menyesuaikan diri dengan pekerjaan sekarang, penganggur yang masih belum memulakan kerjaya, ibu bapa,


para pensyarah dan guru-guru yang ingin memberi motivasi serta dorongan kepada para pelajar.

Pengulas:

Rosliza Ismail

Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Sains moden menurut perspektif al-Quran & as-sunnah

Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa, 2010. 1072ms.
ISBN 978-967-308-208-7

ULASAN

Sejak 14 abad yang lalu al-Quran telah memberi arahan kepada manusia agar menggunakan akal fikiran mereka untuk berfikir dan merenungi keagungan Allah menerusi segala penciptaan sama ada di langit atau pun di bumi sebagai tanda kebesaran Allah. "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal; (laitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi" (Ali Imran 190-191). Sesungguhnya kejadian alam semesta sama ada dari wujudnya benda-benda paling kecil tidak nampak oleh mata kasar sehingga yang terbesar memberi tanda adanya Zat yang menciptakan, mengatur, menjaga di sebalik keagungan, kedahsyatan yang mengagumkan, semuanya memberi petunjuk atas kehendak Allah. Maka orang-orang yang beriman pasti akan bertambah keimanan mereka dengan pembuktian sains moden tentang kebenaran al-Quran manakala bagi

orang kafir tidak sepatutnya mereka menolak al-Quran atas dasar apa pun melainkan kerana takbur, sesat dan menjadi semakin kufur.

Pendedahan dan pengetahuan umat Islam tahun 1400 dahulu tidak sama seperti zaman sekarang kerana kelemahan penguasaan dan zaman perkembangan sains semasa. Pada masa dahulu manusia tidak mampu menerokai lautan dalam tetapi mengetahui mengenai sesuatu hanya melalui al-Quran dan hadis. Perkembangan dan perubahan zaman telah merungkai persoalan ini dan mampu menemui kebenaran dan membuktikan mukjizat al-Quran adalah daripada Pencipta seluruh alam. Siapa sangka bahawa segala air termasuk seluruh lautan, gas karbon dioksida, batuan, mineral dan sebagainya datang dari perut bumi. Lebih mengejutkan di bawah lautan tersebut dipenuhi api (lava berapi) dan bawah api pula mengandungi air. Semua ini dinyatakan dengan jelas oleh al-Quran dan hadis seterusnya membuktikan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.

“Yang tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari mana-mana arah dan seginya; ia diturunkan dari Tuhan Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji” (Fushilat 41:42). Ini penegasan Allah tentang kebenaran al-Quran yang tidak mempunyai ralat atau kesilapan besar atau kecil walau satu ayat sekali pun. Justeru itu, pembicaraan tentang sains dalam al-Quran amat banyak merangkumi bumi, astronomi, laut, haiwan, manusia, perubatan, perkara akan datang, dan sebagainya. Sesungguhnya Nabi Muhammad adalah Rasul Allah; “Dan dia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau Hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya”. (An-Najm 53:54). Tiada sebab lagi bagi kita sebagai manusia untuk ingkar dan tidak patuh pada suruhan Allah. Sepatutnya kita mengambil pembuktian secara saintifik moden ini tentang kebenaran al-Quran sebagai peringatan dan pengajaran bagi yang masih ada hati dan akal.

Penciptaan manusia adalah sempurna dan sebaik-baik kejadian.“Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya”. (At-Tin (95) : 4). Serta dengan sebaik-baik keseimbangan “Yang telah menciptakan kamu lalu menyempurnakan kejadianmu dan menjadikan (susunan tulang) mu seimbang” (Al-

Infithar (82) : 7). Manusia merupakan makhluk yang paling kompleks di dunia, sama ada dari segi sel-sel, susunannya, organ tubuh, atau pun sistemnya kerana semua komponen tubuh dalam dan luar manusia diciptakan dengan begitu sempurna. Dalam diri manusia mempunyai nafsu yang menjadi tempat pelbagai perasaan dan emosi, syahwat dan nilai serta keperluan tertentu. Manusia memiliki akal yang memiliki prinsip-prinsip kebenaran serta daya penalaran, daya analisis, dan kreativiti sehingga akallah yang membuat manusia menjadi raja makhluk. Justeru itu sepatutnya seluruh manusia tanpa mengira kedudukan dan bangsa dapat menggunakan akal secara sempurna untuk taat dan patuh pada kebenaran al-Quran dan as-Sunnah.

Al-Quran merupakan sumber pengetahuan tentang segala bentuk kehidupan dan fenomena alam. Di dalamnya terkandung kaedah-kaedah sistematik yang mengatur segala macam kehidupan individu dan masyarakat, di samping memuatkan norma-norma sosial yang menjadi asas pembangunan masyarakat yang adil dan sejahtera. Ayat-ayat al-Quran diformulasikan dalam bentuk retorik sistem yang mengandungi nada dan melodi yang menarik sehingga meresap masuk dalam nurani manusia dan menjadi petunjuk baginya. Ia juga membimbing akal dan menjadi cahaya pembuka rahsia-rahsia kehidupan dan alam semesta sehingga makrifat kepada Tuhan berasaskan keimanan sejati.

Kupasan yang menarik dan dibahaskan mengikut topik iaitu kepentingan ilmu dalam Islam; mukjizat, kemukjizatan metafizik; kemukjizatan dalam sejarah; kemukjizatan dalam syariat; kemukjizatan nombor dalam Al-Quran; kemukjizatan artistik dalam al-Quran; menyingkap kebesaran Tuhan dalam aspek ibadat; terapi pengubatan; melihat kebesaran Tuhan pada diri manusia; menjelajah kebesaran Tuhan di bumi; meneropong kebesaran Tuhan di Angkasa Raya; mengamati kebesaran Tuhan di dunia flora dan fauna; meneroka kebesaran Tuhan dalam dunia perubatan dan kemukjizatan alam ghaib.


Pengulas:

Ahmad Maliki Mohamed

Penolong Pengarah
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



MOHD ALIFF MOHD NOR
Tambah duit dengan kerja part time
Batu Caves, Selangor : PTS Professional Pub., 2011.
142ms.
ISBN 978-967-369-080-0

ULASAN

Buku *Tambah duit dengan kerja part time* ini secara tidak langsung membuka mata dan mengajak pembaca untuk mencari kerja tambahan dengan bekerja sambilan ataupun *part time*. Dalam keadaan kos sara hidup yang semakin menekan, kita mungkin akan terfikir untuk membuat kerja sambilan tetapi tiada satu panduan khusus yang boleh dijadikan rujukan membina. Dengan adanya buku ini sekurang-kurangnya pembaca mempunyai satu platform untuk membina kerjaya sambilan bagi menambahkan pendapatan. Selain itu, kita juga selalu berfikir dan menganggap kerja *part time* atau sambilan ini membebankan kerana terpaksa membuat kerja tambahan selain dari kerja tetap sedia ada. Namun begitu, apabila kita membaca buku ini yang sarat dengan contoh-contoh dan fakta-fakta yang berasaskan pemerhatian, kajian kes, catatan, laporan pihak pengurusan beserta pengalaman daripada mereka yang pernah bekerja sambilan, minda kita akan lebih terbuka dan secara tidak langsung ia dapat membetulkan perspektif kita tentang kerja sambilan ini.

Terdapat sembilan belas (19) bab tajuk kecil dibincangkan di dalam buku ini bermula dari penjelasan tentang persamaan, perbezaan dan kaitan antara pekerjaan *full time* dan *part time* sehingga kepada perbincangan mengenai cabaran menjadi *part-timer*. Selain itu dibincangkan juga jenis-jenis pekerjaan sambilan yang biasa dilakukan seperti bekerja dari rumah, bekerja secara *freelancer* dan sebagainya. Buku ini juga sarat dengan tip-tip beserta contoh-contoh bagi memudahkan pemahaman kita tentang perbezaan pekerjaan sambilan dengan pekerjaan tetap. Penulis juga tidak loker memberikan fakta-fakta yang bernas seperti faedah-faedah yang seringkali ditawarkan kepada pekerja sambilan dan perbandingan dengan pekerja tetap.

Segala mitos-mitos bekerja sambilan seperti *saya malu tapi mahu* atau *saya tiada masa* juga dikupas oleh penulis dan ini dapat dijadikan satu pembakar semangat untuk terus berjaya dalam membina kerjaya walaupun pada awalnya hanya bermula dengan sambilan mungkin boleh menjadi satu pekerjaan tetap. Apa yang paling penting ialah penulis mengajar pembaca tentang dunia sebenar kerja sambilan yang terbentang luas dan cara-cara menghadapinya. Kerja sambilan bukan sekadar bekerja di kompleks membeli-belah atau di kedai-kedai makanan segera tetapi hakikatnya kerja sambilan mempunyai bidang kerja yang cukup meluas. Jadi kita perlu bijak merancang bagi memilih pekerjaan sambilan yang ingin dilakukan.

Tidak cukup dengan fakta-fakta tentang pemilihan kerja yang bersesuaian, penulis juga mengajar pembaca tentang pertalian antara *part-timer*, bos dan organisasi. Walaupun bekerja sambilan, komitmen yang baik dan disiplin yang tinggi sebagai pekerja perlu diberikan kepada majikan atasan mahupun bekerja sendiri. Pekerja yang cemerlang akan melahirkan organisasi yang cemerlang melalui pengurusan yang cekap dan efisien. Seterusnya ia akan menjana pendapatan yang pasif ataupun aktif kepada pekerja.

Rezeki ada di mana-mana, selagi ada kudrat dan kesungguhan kita boleh menetapkan matlamat dan niat asal untuk mencari rezeki yang halal lagi berkat. Setiap makhluk memang telah dijanjikan tuhan dengan rezeki masing-masing namun ia bergantung kepada cara kita untuk mencari dan menikmati rezeki tuhan itu. Diharapkan sebagai pembaca kita mendapat manfaat untuk terus meraih hasil kerja


dan rezeki yang berkat dan menjadikan kita umat yang boleh meraih kejayaan di duniawi dan ukhrawi. Buku ini juga sesuai dijadikan cenderahati kepada insan-insan lain di luar sana yang masih tercari-cari pekerjaan sambilan yang terbaik.

Pengulas:

Nor Fidyawati Abdul Manan

Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



ANUAR HANIFF & MOHD NIZAL HANIFF
Wanita dan dunia kewangan peribadi
Petaling Jaya : True Wealth, 2011. 152ms.
ISBN 978-967-5428-51-7

ULASAN

Tidak dapat dinafikan lagi pada masa kini kita berhadapan dengan pelbagai masalah ekonomi, di mana pendidikan pengurusan kewangan amat penting. Bukan sahaja di kalangan lelaki, malah wanita kini umpama tulang belakang institusi kekeluargaan dan perlu mula mengambil alih soal kewangan serta pelaburan. Pendidikan kewangan boleh menjamin kedudukan kewangan kita agar lebih stabil selain daripada mengelakkan kita tertipu dengan pelbagai skim cepat kaya dan pelbagai lagi skim penipuan yang banyak terdapat hari ini. Sering kali terpampang di dada akhbar mengenai kes penipuan yang rata-ratanya melibatkan kes wanita. Penerbitan buku *Wanita Dan Dunia Kewangan Peribadi* merupakan bahan bacaan yang tepat bagi memberikan ilmu pengurusan kewangan khusus untuk wanita. Isi kandungannya mempersembahkan strategi kewangan dan pelaburan bagi kaum wanita pada pelbagai peringkat umur. Daripada kawalan perbelanjaan hingga ke pelaburan dan perniagaan, buku ini akan membantu wanita meneliti situasi dan langkah-langkah bersesuaian yang boleh mengubah tahap kewangan mereka.

Pemilihan wanita sebagai subjek utama di dalam buku ini adalah atas keprihatinan penulis terhadap beberapa situasi wanita seperti kedudukan dan status kewangan wanita yang masih rapuh dan membimbangkan, peningkatan golongan ibu tunggal, golongan wanita sebagai peneraju sektor pekerjaan serta kuasa membeli yang lebih ramai di kalangan wanita. Buku ini ditulis oleh dua orang penulis yang hebat, pertama, saudara Anuar Haniff merupakan seorang penulis subjek ekonomi dan perancangan kewangan dan saudara Mohd Nizal Haniff, seorang pensyarah dan fello penyelidik di *Accounting Research Institute* dan Fakulti Perakaunan di UiTM. Kedua-dua penulis adik beradik ini mempunyai pengalaman luas dalam bidang pelaburan dan kewangan selama 16 tahun.

Pada pendapat saya terdapat dua bahagian penting dalam buku ini di mana pada bahagian satu (bab 1-5) penulis memberi penerangan dan menganalisa konsep kekayaan peribadi. Pada bahagian dua (bab 6-13), penulis menunjukkan arah bagaimana mentransformasi dan membina kewangan yang kukuh bagi mencapai kebebasan kewangan. Permulaan bab dimulakan dengan pelbagai definisi mengenai kekayaan peribadi dan penulis telah mengajak pembaca memahami dengan lebih jelas mengenai kekayaan peribadi agar pembaca memahami mengapa pengurusan kewangan amat penting. Penulis telah memberi contoh beberapa situasi bagi pembaca mengukur sendiri tahap kekayaan peribadi mereka. Mengikut penulis, kekayaan peribadi adalah kejayaan melepaskan diri daripada beban hutang utama, mempunyai masa untuk berbelanja atau pun membuat apa yang diingini dan yang paling penting, kita tidak perlu bekerja kuat untuk duit sebaliknya duit itu yang akan bekerja untuk menjana pendapatan kepada kita.

Bagi mencapai kejayaan dalam pelaburan, penulis telah menggariskan beberapa langkah untuk berjaya seperti berhati-hati serta pilih pelaburan yang ringkas dan mudah difahami, membuat analisa sebelum membuat pilihan, ikut dan laksanakan strategi, mempunyai minat, dan mendermakan sebahagian daripada keuntungan. Setiap satunya diulas dengan teliti oleh penulis dan dapat menarik minat wanita untuk menceburi satu lagi bidang (pelaburan) yang dapat menambah pendapatan mereka tanpa perlu bekerja keras. Salah satu bab yang turut menarik perhatian saya ialah apabila penulis memberikan perbezaan mengenai kewangan wanita dan lelaki. Lelaki

lebih cenderung mengambil risiko dan lebih serius dalam menjana pendapatan sampingan. Dalam perbezaan ini, kesilapan-kesilapan yang sering dilakukan oleh kaum wanita dikupas dan cara menanganinya turut disentuh oleh penulis. Pada pendapat saya, walaupun penulis merupakan seorang lelaki tetapi pemerhatian mereka terdapat kesilapan wanita ini adalah benar dan tepat kerana saya juga seringkali melakukan kesilapan yang sama.

Di dalam bab seterusnya iaitu bab 6 hingga bab 12, penulis turut menjelaskan bagaimana wanita boleh mentransformasi sumber kewangan dan membina platform yang betul bagi menjamin kestabilan kewangan mereka. Terdapat pelbagai cara untuk mentransformasi kewangan kita agar menjadi kewangan yang stabil. Cara yang pertama, kita perlu merancang asas kewangan dan pelaburan agar pelan kewangan kita meliputi semua segi termasuk penjagaan ibu bapa, anak-anak dan juga diri sendiri. Dalam rancangan ini, terdapat dua komponen tindakan kewangan yang boleh diambil iaitu samada aset perlindungan seperti ASB, ASW, KWSP dan komponen kedua ialah aset menjana kekayaan seperti aktiviti perniagaan dan hartanah. Kita perlu belajar bagaimana untuk berpendapatan tinggi sebagai contoh mereka yang berniaga sendiri boleh melebarkan sayap perniagaan ke pasaran global selain itu, mereka juga perlu membayar diri sendiri dulu, iaitu setiap bulan perlu ada simpanan wajib yang perlu diasingkan sebagai bayaran untuk diri sendiri.


Penulis juga menerangkan beberapa produk dan perkhidmatan kewangan bagi wanita. Sedikit sebanyak penerangan ini, dapat memberi pilihan kepada wanita untuk mula merancang asas kewangan dan pelaburan mereka. Akhir kalam, penulis turut menyelitkan tips-tips bagi menjana kekayaan mengikut peringkat umur serta pendapatan dalam sebulan. Mengikut kepada tips ini, secara tidak langsung kita akan lebih memahami pecahan peratus bagi setiap duit gaji sekaligus memberi jaminan kewangan waktu kecemasan.

Pengulas:

Nor Azlin Sahamed

Penolong Pengarah
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

SINOPSIS BUKU




THEVA NITHY
Anak anda genius : maksimumkan potensi anak anda
Shah Alam : Marshall Cavendish (M), 2011.
197ms.
ISBN 978-967-3035-98-4

Buku *Anak anda genius : maksimumkan potensi anak anda* membongkar tanggapan umum mengenai keibubapaan dan perkembangan kanak-kanak, malahan juga menunjukkan bagaimana kita boleh mewujudkan keadaan sesuai yang boleh merangsang dan menggalakkan pembelajaran. Kanak-kanak mempunyai keinginan yang mendorongnya untuk menimba ilmu dan minat untuk belajar. Minda mereka sejak lahir hingga berusia hampir 12 tahun, berupaya menyerap maklumat dengan jumlah yang begitu menakjubkan. Sepanjang tempoh tersebut ibu bapa dapat membentuk minda, memaksimumkan potensi anak, di samping memberikan perkakasan yang diperlukan untuk memupuk proses perkembangannya sebagai individu yang dikagumi. Dunia memerlukan generasi baru yang berfikir dan belajar dengan cara yang lain serta mengambil berat terhadap bangsa manusia dan planet tanpa menyamakan kehidupan dan ketahanan (sustainability) dengan kekayaan dan kuasa peribadi. Buku ini sesuai dibaca oleh ibu bapa dan bakal ibu bapa bagi melahirkan pewaris yang bijak dan berakhhlak serta menghormati manusia lain dan alam.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



ROHIDZIR RAIS
Anda bertanya, ustaz menjawab tentang solat
Batu Caves, Selangor :
PTS Islamika, 2011.
412ms.
ISBN 978-967-366-035-3

Rasulullah S.A.W. pernah berpesan bahawa amalan pertama yang dihitung ialah solat. Andai solatnya baik, maka selamatlah dirinya daripada kerugian sama ada di dunia maupun di akhirat. Ini memberikan gambaran jelas mengenai keutamaan solat berbanding dengan ibadah-ibadah yang lain. Ternyata ibadah paling tidak eksklusif, tanpa modal dan kelihatan terlalu mudah inilah yang paling bernilai di sisi Allah. Semua orang boleh menunaikan zakat, haji, berpuasa dan mengucapkan syahadah. Namun tidak semua orang mampu menjaga solat yang perlu dilaksanakan setiap hari. Buku ini dihasilkan dengan gabungan soal jawab dan ilustrasi bergambar untuk penerangan yang lebih jelas mengenai isu-isu berkaitan solat yang diutarakan. Setiap soalan akan dijawab berdasarkan ajaran al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W. Antara topik yang banyak disoal dalam buku ini adalah berkaitan dengan aurat ketika mengerjakan solat, rukun solat, perkara yang membatalkan solat, jenis solat, hukum solat dan berwuduk. Segala persoalan ini dijawab secara jelas dan mudah difahami dalam membantu umat Islam memperbaiki ibadah solat masing-masing.

SINOPSIS BUKU




MOHD SHAMSURIYADI
Blog + google adsense = duit
Batu Caves, Selangor :
PTS Netmedia, 2011.
110ms.
ISBN 978-967-0185-040

Buku ini memberi panduan kepada penggunaan Google AdSense yang boleh dirujuk oleh golongan yang berminat dengannya. Program Google AdSense boleh dijadikan sebagai salah satu pendapatan pasif anda di internet. Namun, tiada jalan pintas untuk berjaya. Ramai yang terlibat dalam Google AdSense sebelum ini gagal kerana ingin berjaya dengan sekilip mata. Ini menyebabkan akaun Google AdSense dibatalkan dan disenarai hitam daripada menyertai program ini buat selama-lamanya. Menjana duit dengan Google AdSense bukan mendapat duit tanpa berbuat apa-apa. Program Google AdSense ini juga merupakan agensi pengiklanan popular yang dapat menjana sumber pendapatan menerusi blog. Anda perlu meluangkan banyak masa untuk mengemaskini blog agar sentiasa dikunjungi pelawat. Pendapatan juga akan berkurangan sekiranya blog jarang dikemaskini. Buku ini menerangkan langkah-langkah membangunkan blog dan tip menjana duit menerusi Google AdSense.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




NOR IBRAHIM
SULAIMAN

Coretan Xnuripilot

Jitra, Kedah : Nor Ibrahim Sulaiman, 2011. 264ms.
ISBN 978-967-10330-0-5

Buku ini dihasilkan daripada pengalaman penulis sebagai juruterbang helikopter Nuri mulai tahun 1974. Pelbagai insiden yang berlaku sewaktu beliau menjadi anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah dicoretkan dalam buku ini. Antara pengalaman yang diceritakan dalam buku ini adalah berdasarkan diri beliau dan rakan-rakan seperjuangan yang turut terbabit menghadapi ancaman pengganas komunis suatu ketika dahulu. Beliau juga banyak terlibat dengan operasi-operasi seperti Ops Gubir di mana pengganas komunis telah berjaya menembak jatuh sebuah helikopter Nuri yang telah mengorbankan 11 anggota keselamatan. Malahan beliau turut terlibat dalam Ops Selamat Sawadee yang juga mengorbankan dua orang warga komando dalam pesawat tersebut. Ketika berkhidmat di Sabah, penulis mencoretkan pengalaman berhadapan situasi yang mencemaskan semasa cuba mendarat di Gunung Kinabalu. Buku setebal 264 halaman ini sesuai dibaca oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira umur dan pangkat bagi memahami dan menghargai perit getir pejuang-pejuang negara dalam mengekalkan keamanan yang dinikmati sehingga sekarang.

SINOPSIS BUKU




SHAHRIAH ISMAIL &
MOHD RAZALI MAT
YASIN

**Demam : tip untuk cepat
sembuh**

Kuala Lumpur : Utusan
Publications &
Distributors, 2011. 66ms.
ISBN 978-967-61-2476-0

Kebanyakan orang menganggap bahawa demam adalah satu petanda jangkitan yang teruk walaupun tubuh hanya berasa seram sejuk. Demam adalah penyakit yang menandakan sistem pertahanan badan anda sedang diaktifkan untuk menentang jangkitan penyakit. Demam merupakan satu mekanisme tubuh sebagai satu cara memperlakhankan pembiakan virus atau bakteria atau sel kanser sekalipun. Pembiakan agen penyebab penyakit merebak dengan cepat pada suhu badan yang normal. Ini juga menandakan reaksi sistem pertahanan badan yang normal dalam menangani sebarang agen penyakit yang telah menembusi sistem pertahanan primer tubuh. Buku ini membincangkan konsep asas agen penyebab demam dan mengandungi tip dan pendedahan berkaitan demam dan sesuai diamalkan oleh pasangan suami isteri yang baru mendapat cahaya mata. Demam dapat ditangani dari segi fizikal, kesediaan mental dan peningkatan spiritual.


SINOPSIS BUKU



ABDUL GHANI
ABDULLAH, ABDUL
RAHMAN ABDUL AZIZ &
ABDUL RASHID
MOHAMAD
**EQ : menjana kecerdasan
emosi melalui kemahiran
membuat keputusan**
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2011. 117ms.
ISBN 978-967-369-068-8

Buku ini memaparkan 21 tajuk pelajaran yang berbentuk aktiviti yang menjana kecerdasan emosi pelajar supaya bijak dan berjaya apabila berhadapan dengan masalah. Ianya mampu digunakan bagi mengajar murid membuat pilihan yang tepat secara kreatif dan efektif. Buku ini juga dapat membantu guru mencungkil bakat dan kebolehan emosi pelajar bagi berhadapan dengan realiti supaya mempunyai keyakinan yang tinggi. Sekiranya guru dapat mencungkil bakat dan kebolehan emosi ini, maka pelajar mampu berhadapan dengan realiti dengan lebih yakin. Buku ini juga membincangkan orang yang memiliki kecerdasan intelek lebih cemerlang apabila mereka juga turut memiliki kecerdasan emosi. Tanggungjawab menjana kecerdasan emosi di dalam bilik darjah bergantung pada kebijaksanaan guru. Setiap pelajar mempunyai potensi kecerdasan emosi. Buku ini amat sesuai digunakan oleh guru prasekolah sehingga peringkat institut pengajian tinggi, kaunselor, pengarah program, guru pelatih serta ibu bapa.


SINOPSIS BUKU



KUSUMA, YULIANDI
Foto hebat dengan HDR
Batu Caves, Selangor :
PTS Netmedia, 2011.
81ms.
ISBN 978-967-0185-03-3

High Dynamic Range (HDR) dapat mengatasi kelemahan kamera digital yang kurang mampu merakam dengan kontras tinggi. Setiap perincian dalam foto dapat dirakam dengan baik. Tidak ada lagi bahagian yang gelap ataupun terang yang berlebihan. HDR sangat sesuai diaplikasikan pada foto landskap, terutamanya apabila terdapat perbezaan terang dan gelap yang begitu ketara. Teknik mengambil foto yang baik tetap menjadi syarat utama bagi menghasilkan karya HDR yang baik. Teknik ini juga sesuai digunakan dalam segmen fotografi lain seperti seni bina dan potret. Melalui teknik pengubahsuaian mengambil gambar dan menggunakan aplikasi menyunting secara digital, foto biasa menjadi bertambah menarik. Dengan teknik ini, kelemahan kamera digital yang sukar merakam imej berkontras tinggi dapat diatasi. Setiap perincian pada objek dapat dirakam dengan baik dan tidak wujud foto HDR yang menampakkan bahagian yang terlalu gelap ataupun bahagian cerah yang keterlaluan. Melalui teknik ini juga foto-foto yang diambil menjadi lebih mengagumkan dan memuaskan.


SINOPSIS BUKU



Globalisasi sastera siber
Tanjong Malim, Perak :
Penerbit Universiti
Pendidikan Sultan Idris,
2011. 198ms.
ISBN 978-983-3759-61-3

Kecanggihan teknologi siber dapat memajukan bidang kesusasteraan terutama sekali dapat digunakan untuk sesebuah karya. Teknik-teknik siber yang dapat dilakukan ke atas sesebuah novel berkenaan adalah seperti mengubah bentuk novel ke dalam bentuk cerpen, sajak dan drama. Menjadikan novel sebuah filem, teater dan dokumen. Dunia sastera juga turut dipengaruhi sehingga wujudnya sastera siber. Buku ini membincangkan hubung kait dengan perkembangan sastera siber dan globalisasi. Pemikiran global hasil-hasil karya sasterawan negara dilihat sejarah dan seiring dengan para pengarang dunia dan perkembangan terbaru teknologi siber. Penulisan sastera siber bukan sahaja dapat dicapai dengan lebih mudah dan murah tetapi dapat dipersembahkan dengan persembahan media interaktif yang amat menarik dan dapat diakses serta diberikan maklum balas dengan serta-merta oleh orang ramai. Peranan pendidikan sastera siber dan pendekatan konvensional dengan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan penggunaan teknologi komputer turut dibincangkan dalam buku ini. Kesesuaian buku ini kepada peminat sastera, ahli akademik dan pembaca yang ingin menambahkan pengetahuan dalam bidang sastera.

SINOPSIS BUKU



SHUIB SULAIMAN
Indeks prestasi nafsu
Batu Caves, Selangor :
PTS Islamika, 2011.
128ms.
ISBN 978-967-366-089-6

Nafsu adalah makhluk yang diciptakan Allah untuk manusia. Nafsu berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud jiwa ataupun roh yang tidak zahir pada manusia. Permulaan penciptaan nafsu menunjukkan kepada kita bahawa nafsu merupakan makhluk yang degil dan angkuh terutama ketika dalam keadaan yang kuat. Nafsu hanya mengakui keesaan Allah sebagai Tuhan apabila berada dalam keadaan yang lemah. Buku ini membawa pembaca menilai prestasi nafsu mereka sama ada menuju kepada kebaikan atau keburukan. Secara fitrahnya kejadian manusia sering lalai dan leka kerana manusia sering tewas kepada nafsu. Nafsu yang terarah akan membawa pemiliknya mendapat keredhaan Allah. Buku ini adalah penyuluhan bagi mengenali tahap nafsu sendiri, hanya diri sendiri yang dapat menilai mengenai nafsu diri. Buku ini amat berguna dan sesuai dibaca oleh golongan remaja dan dewasa kerana dapat menjadi panduan ringkas berbentuk ilmiah mengenai nafsu.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



ZAINUN ISHAK
Ingin Sihat? : bersenam cara mudah
Petaling Jaya : ZIT Pub.,
2011. 241ms.
ISBN 978-967-5905-01-8

Senaman biasanya dikaitkan dengan aktiviti fizikal dan perlakuan berstruktur dan dilakukan secara berulang demi ketahanan tubuh badan. Senaman penting bagi memastikan kecergasan dapat dikekalkan dan membantu mengelakkan beberapa penyakit seperti obesiti, tekanan darah dan penyakit kardiovaskular. Senaman membantu manusia menjadi lebih sihat dari segi fizikal, mental dan emosi di samping mencegah penyakit. Buku ini memberikan pelbagai fakta mengenai senaman untuk kesihatan, selain menunjukkan jenis-jenis senaman untuk pelbagai penyakit. Panduan yang diberikan boleh dijadikan sebagai maklumat bagi tujuan pendidikan, penjagaan kesihatan dan pencegahan. Fakta-fakta perubatan yang dimuatkan merupakan petikan daripada pelbagai sumber seperti kajian oleh persatuan-persatuan dan majalah serta jurnal terbitan dalam dan luar negara yang berkaitan dengan kesihatan dan cara senaman. Ilustrasi yang terdapat di dalam buku ini cukup jelas menerangkan teknik-teknik regangan atau senaman yang dapat membantu pembaca membuat senaman dengan cara yang betul. Buku ini disediakan khas untuk masyarakat pada semua peringkat umur, terutama bagi mereka yang peka akan imej badan dan inginkan perubahan dalam amalan gaya hidup.


SINOPSIS BUKU



ARMANSYAH
Israk Mikraj : tinjauan saintifik di sebalik kontroversi
Batu Caves, Selangor :
PTS Islamika, 2011.
203ms.
ISBN 978-967-366-096-4

Dalam sejarah kenabian Muhammad, tidak ada mukjizat selain daripada pembelahan bulan yang mendatangkan kontroversi sepanjang zaman kecuali peristiwa Israk dan Mikraj. Ada yang menganggap kisah tersebut hanyalah khayalan dan mimpi Nabi Muhammad. Islam adalah peradaban akal, al-Quran sentiasa menekankan supaya mengoptimalkan peranan akal bagi berfikir berkenaan kekuasaan Allah. Persoalan ini menjadi begitu kompleks sehingga golongan yang mengingkarinya berhujah dengan fakta-fakta sumber hadis yang sahih. Manakala golongan pembela pula sebahagiannya memendamkan hujah itu dan membiarkan iman memutuskan kebenarannya. Buku ini membincangkan peristiwa Israk dan Mikraj melalui hadis-hadis sahih nabi dari sudut matan (isi hadis) yang ditakhrij (disemak) dan ditakhrij (dikeluarkan) oleh Syeikh Nasiruddin al-Albani. Buku ini menjawab dakwaan yang berkaitan dengan peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad menggunakan hujah al-Quran, hadis, fakta saintifik dan logik yang menggunakan analogi yang mudah diterima malah sering dialami di sekeliling kita. Buku ini wajar dibaca oleh sesiapa sahaja yang ingin mengetahui dengan lebih mendalam tentang Israk Mikraj.


SINOPSIS BUKU



MOHAMMAD ASRAFF
AYOB AL-HAFIZ
Kaedah Jibril : teknik mudah dan praktikal menghafaz al-Quran
Batu Caves, Selangor :
PTS Darul Furqan, 2011.
149ms.
ISBN 978-967-0127-03-3

Keberkatan hidup dan menikmati kebahagiaan di dunia dan di akhirat merupakan matlamat dalam kehidupan insan yang beragama Islam. Sebagai seorang Islam, kita tidak terlepas dari tanggungjawab untuk tawaduk membaca, menghayati dan mengamalkan al-Quran serta isi kandungan. Penulis menyatakan menghafal al-Quran itu satu proses untuk mendapat kekuatan spiritual luar biasa tanpa bantuan teknologi moden. Sekiranya inginkan otak yang berprestasi luar biasa, jadikan hafalan al-Quran sebagai santapan akal. Ini kerana keupayaan al-Quran menggabungkan dengan baik unsur akal dan hati, usaha serta tawakal, iman dan amal serta zikir dan fikir. Kesempitan waktu bukan penghalang untuk menghafal al-Quran kerana kaedah Jibril ini dapat membantu pembaca mengatasi masalah tersebut. Kaedah ini adalah kaedah yang ideal kerana tidak perlu ke sekolah tahfiz, tetapi belajar menghafal sendiri setiap hari. Angka tiga(3) digunakan dalam kaedah ini iaitu 3 baris, 3 kali, dan 30 minit. Turut disenaraikan kelebihan 10 surah yang dicadangkan dan perlu diketahui serta tip-tip dan perkara yang boleh dan jangan dilakukan supaya tahap kesukaran ketika menghafal dapat dikenalpasti.


SINOPSIS BUKU



MOHD KAMEL IDRIS
Kebijaksanaan :
perjalanan tanpa
penghujung
Kajang, Selangor : MKI
Pub., 2011. 136ms.
ISBN 978-967-101112-6

Buku ini menawarkan satu pilihan pendekatan ke arah kebijaksanaan melalui perspektif seorang hamba yang sentiasa mengharapkan petunjuk dan pertolongan daripadanya. Buku ini menerangkan beberapa kecerdikan yang mampu difahami oleh semua orang dan digabungkan dengan suatu pemikiran bahawa kebijaksanaan mutlak adalah milik Allah S.W.T. Langkah pertama yang perlu diambil dalam usaha untuk menuju ke arah kebijaksanaan ialah penerimaan tanggungjawab peribadi. Tanggungjawab peribadi adalah komponen yang penting dalam kehidupan seseorang individu bagi membolehkannya mengawal kehidupan. Dengan penerimaan tanggungjawab peribadi ini, tiada sebab lagi untuk seseorang itu menyalahkan orang lain atas apa yang berlaku kepada dirinya. Buku ini sesuai untuk bacaan semua orang tanpa mengira fahaman agama. Buku ini juga menyedarkan pembaca tentang keperluan untuk mengetahui apa yang perlu bagi mengelakkan diri dari terjebak ke dalam situasi yang dinamakan 'kejahilan bersusun'. Maknanya sama seperti 'tidak tahu apa yang kita tidak tahu'. Semuanya terpulang kepada anda untuk menilai diri anda bijak atau tidak bijak.

SINOPSIS BUKU



WAN MASERI WAN
MOHD


Keluarga bahagia dengan Asmaul Husna

Batu Caves, Selangor :
PTS Millennia, 2011.
110ms.

ISBN 978-967-0142-49-4

Keluarga bahagia dapat dibentuk dengan mengamalkan zikir Asmaul Husna pada setiap hari tanpa menunggu apabila ditimpa musibah maupun kesedihan. Setiap 99 nama Allah itu membawa keajaiban tersendiri yang menjadi penawar kepada setiap pengamalnya. Buku ini dihasilkan untuk memberi petunjuk dan dikongsi bersama insan-insan yang sedang mencari jalan keluar daripada pelbagai masalah. Masalah dan cabaran dalam kehidupan ini datangnya daripada Allah jua yang sifat-Nya Ya Qodir yang maha kehendak yang mana setiap kehendak-Nya tiada siapa yang dapat menghalang, melambatkannya, mempercepatkan ataupun menafikan. Buku ini diharap dapat membantu dalam pelbagai masalah yang sudah menemui jalan buntu. Kekusutan yang selama ini cuba dirungkaikan dengan pelbagai daya akal manusia, tetapi masih tersimpul dengan ketat, tiada tanda akan terungkai dan kadang-kadang simpulannya semakin kuat. Kenyataannya, hanya Allah ya Fatah mampu membuka jalan dan simpulan yang ketat itu untuk kita hamba-Nya menyedari akan kehebatan-Nya. Penulis berharap semoga buku ini dapat membuka minda dan jiwa para pembaca dengan kehebatan dan kekuasaan Allah yang masih banyak tersembunyi dan masih menjadi rahsia.


SINOPSIS BUKU



JOHARI YAMAN
Kembalikan rezeki yang hilang
Batu Caves, Selangor :
Crescent News (K.L.),
2011. 243ms.
ISBN 978-983-061-983-5

Buku ini membicarakan tentang usaha halal dan keprihatinan seseorang dalam menyara kehidupan sendiri dan ahli keluarga dengan hanya meraih sesuatu yang diredhai Allah. Menjauhi sesuatu yang bukan menjadi tanggungjawab, kesedaran dan keprihatinan yang membawa kepada kebersihan jiwa. Memotivasikan diri ke arah memahami agama, membekalkan berbagai-bagai resepi kepada giat berusaha, berjiwa kreatif dalam berikhtiar dan pelbagai nasihat menjernihkan minda dalam menempuh situasi gelombang kehidupan sehingga memahami erti dan tujuan kehidupan sebenar. Islam tidak membiarkan umatnya kebingungan mencari nafkah. Sebaliknya, Islam telah memberi penyelesaian jitu dan mengajarkan etika mulia agar mereka berjaya dalam meraih kebendaan sehingga pintu kemakmuran dan keberkatan terbuka. Menurut kacamata Islam, usaha dalam pekerjaan mestilah mempunyai kod etika, ikatan moral dan peraturan, menjauhi sikap memanipulasi dan tamak haloba. Dengan demikian terbentuklah suatu usaha yang bersih, hasil yang berkat dan perilaku manusia yang beradad. Buku ini sesuai untuk bacaan para majikan dan pekerja yang ingin mendapatkan ketenangan dan keberkatan di tempat kerja.

SINOPSIS BUKU




MOHAMAD ZAINI HJ.
BADRON

Kuasai hidup

Kuala Lumpur : Norconsult
K.L, 2011. 184ms.
ISBN 978-967-5851-04-9

Buku ini ditulis atas dasar bahawa manusia mempunyai keupayaan membuat pilihan dan keputusan berkenaan corak kehidupan yang mereka inginkan. Bagi menjayakan sesuatu matlamat, pembaca diingatkan supaya sentiasa mempunyai niat, fokus dan menjaga emosi. Niat memainkan peranan penting bagi memastikan pembaca sentiasa berusaha memperbaiki diri. Fokus bagi memastikan pembaca tidak membuang masa melaksanakan kerja-kerja yang tidak berfaedah. Manakala emosi pula perlu dijaga bagi memastikan sentiasa stabil dan positif untuk menggapai impian. Penulisan buku ini adalah hasil daripada pembacaan dan pengalaman penulis bersama rakan-rakan serta peserta seminar anjuran penulis. Kandungan buku ini mempunyai 4 topik utama iaitu mengenali potensi diri, menguasai kuasa minda, meraih ketenangan jiwa serta coretan pengalaman penulis sendiri. Perincian setiap topik yang disampaikan akan dapat memberikan motivasi diri kepada pembaca. Mesej yang disampaikan oleh penulis akan menjadi penggerak bagi menentukan generasi yang ada dan generasi akan datang dapat memupuk sahsiah murni dan cemerlang dalam diri. Buku ini sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat yang mengimpikan kejayaan dalam hidup.

SINOPSIS BUKU




KHAIRUDDIN M. YUSOF,
DATO' & SITI NORAZAH
ZULKIFLI
**Lelaki, perempuan - tak
kisah : panduan asas
tentang kehamilan**
Shah Alam : Marshall
Cavendish, 2011. 191ms.
ISBN 978-967-3035-83-0

Kehamilan merupakan titik permulaan satu tahap dalam kehidupan dan tanggungjawab jangka panjang sebagai ibu bapa dalam menjaga, mengasuh, membimbing dan mengasihi anak-anak. Buku ini ditulis khas sebagai panduan asas untuk bakal ibu bapa yang ingin menimba ilmu pengetahuan tentang kehamilan dan penjagaan kesihatan diri hingga kelahiran cahaya mata mereka dan tidak kisah sama ada anak lelaki ataupun perempuan, asalkan sihat. Terdapat beberapa topik yang dibincangkan dalam buku ini seperti kesuburan dan kemandulan, perubahan fizikal dan fisiologikal sebelum, semasa dan selepas kehamilan, perkembangan fetus, pemakanan, penjagaan antenatal diri sendiri, proses kelahiran, penyusuan serta penjagaan kesihatan posnatal. Buku yang memiliki 191 halaman ini boleh membantu bakal ibu bapa supaya bersedia dengan kehamilan dan kelahiran zuriat daripada segi fizikal dan mental.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




ABD. RAZAK ... [et al.]
**Masyarakat Melayu
Buton : kilauan
khazanah manuskrip,
kesenian,
budaya, bahasa dan
pantunnya**

Kuala Lumpur : Akademi
Pengajian Melayu, 2011.
189ms.
ISBN 978-967-5148-92-7

Pulau Buton berada antara Makasar dan juga Kepulauan Tukang Besi (Pulau Wakatobi). Berdasarkan sejarah lampau tergambar bahawa masyarakat di sini telah menerima pelbagai pengaruh luar yang dibawa oleh para pedagang atau melalui perperangan dengan Makasar dan Ternate tetapi Islam menjadi ikutan sehingga kini. Masyarakat Buton juga menerima pengaruh pelbagai masyarakat, terutama masyarakat Melayu. Di dalam buku ini juga dikupas aspek-aspek budaya, kesenian, bahasa, pantun dan tidak ketinggalan naskhah Melayu milik mereka. Pantun-pantun Melayu pula sering kali digunakan dalam upacara-upacara tertentu dan kebanyakannya mempunyai persamaan dengan pantun-pantun yang terdapat di negara kita. Rumusan buku ini mendedahkan kita bahawa masyarakat Melayu Buton yang berada di bahagian paling timur di Indonesia masih lagi mengekalkan ciri-ciri kemelayuannya agar tidak pupus dek zaman.

SINOPSIS BUKU



MOHAN GOVINDASAMY
& NAGOOR MEERA
ABDULLAH
**Melatih atlet Orang
Kurang Upaya (OKU)**
Kuala Lumpur : Utusan
Publications & Distributors,
2011. 150ms.
ISBN 978-967-61-2478-4

Buku ini amat sesuai untuk dijadikan sebagai garis panduan kepada mereka yang bergiat dalam sukan olahraga OKU khasnya dan untuk menimba ilmu pengetahuan secara amnya. Terdapat banyak panduan dan peraturan serta perundangan dalam bidang kejurulatihan OKU secara keseluruhannya. Jurulatih sukan olahraga OKU akan dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih profesional. Dengan cara ini, para peserta OKU akan dapat memahami dengan lebih jelas dalam acara-acara olahraga yang mereka ceburi. Buku ini turut menjelaskan sejarah sukan olahraga, klasifikasi kecacatan sukan olahraga, peraturan dan undang-undang sukan olahraga OKU mencakupi pelbagai jenis kecacatan serta pelbagai jenis acara sukan olahraga yang dijelaskan secara santai tetapi mudah difahami. Buku ini sesuai dijadikan panduan untuk jurulatih serta atlet dalam memantapkan pengetahuan mereka dalam sukan olahraga OKU.

SINOPSIS BUKU




NORBI HUSIN
Memecah masalah : (soal jawab guru)
Kuala Lumpur : Utusan publications & Distributors,
2011. 133ms.
ISBN 978-967-61-2469-2

Memecah masalah : (soal jawab guru) memberi kefahaman kepada golongan pentadbir sekolah dan pendidik berkaitan permasalahan perguruan yang sering diutarakan oleh kebanyakan guru dan cara untuk menanganinya dalam bentuk soal jawab. Penulis menjelaskan sikap yang perlu ada pada seorang guru untuk menjadi seorang guru yang cemerlang dan disenangi oleh rakan-rakan guru yang lain. Buku ini turut menyentuh tentang pelbagai ragam pengetua sekolah, dan guru-guru perlu bijak mengatasi untuk mengelakkan daripada berlakunya konflik. Guru perlu mempunyai seni mengajar dan bersikap kreatif. Ramai yang mampu mengajar tetapi bukan semua orang dapat mengajar dengan baik, menarik dan berkesan. Budaya kerja kelas pertama perlu diperaktikkan selain inisiatif untuk mempelbagaikan pedagogi pengajaran supaya pelajar tidak berasa bosan dengan kaedah yang sama. Buku ini sesuai dijadikan bacaan oleh guru-guru dan juga bakal guru bagi meningkatkan prestasi pengajaran dan seterusnya pembelajaran murid.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



HAZLAM ANUAR
Mudahnya Google SketchUp
Batu Caves, Selangor :
PTS Netmedia, 2011.
124ms.
ISBN 978-967-0185-07-1

Buku ini menerangkan cara mudah menghasilkan 3D dengan menggunakan perisian percuma, *Google SketchUp*. *Google SketchUp* adalah perisian aplikasi tiga dimensi (3D) yang direka mesra pengguna. Perisian ini dapat digunakan dalam industri kreatif seperti seni bina dan reka bentuk. Tujuan perisian 3D dengan *Google SketchUp* ini adalah bagi memudahkan penggunaannya berbanding dengan perisian 3D yang lain. Buku ini menerangkan serba sedikit mengenai dunia 3D dan asas-asas pembinaan model. Pembaca juga akan dapat mengembangkan daya kreativiti dan menghasilkan objek-objek 3D yang dapat dimanfaatkan untuk kepuasan diri. Di dalam buku ini diterangkan langkah demi langkah bagi menghasilkan objek 3D berserta contoh bergambar berwarna supaya mudah diikuti. Tujuan utama *Google SketchUp* dihasilkan adalah menjadikan perisian 3D ini mudah daripada perisian 3D lain yang kompleks. Buku ini amat sesuai untuk semua lapisan masyarakat yang meminati dunia 3D.

SINOPSIS BUKU




MARZUKI ADAM
**Part-time tapi kaya :
aplikasi S.W.O.T dalam
dunia part-time**
Petaling Jaya :
Truewealth, 2011
ISBN 978-967-5428-49-4

Buku ini mempersembahkan bagaimana perkerjaan yang dilakukan secara *part-time* dapat membantu memperbaiki strategi kewangan dengan aplikasi S.W.O.T yang boleh diguna pakai oleh segenap lapisan masyarakat. Analisa ini sebagai panduan sahaja bagaimana kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman ditukar menjadi sesuatu yang positif. Buku ini adalah idea asal pengarang berdasarkan pengalaman selama 12 tahun berkecimpung dalam dunia perniagaan secara sambilan (*part-time*). Pengarang banyak melibatkan diri dalam dunia perniagaan secara kecil-kecilan ketika masih belajar di universiti lagi. Hasil daripada pengalaman, pengamatan dan pembacaan penulis, terdapat banyak cabang perniagaan yang boleh diceburi secara sambilan tanpa perlu mengorbankan pekerjaan tetap, buku ini akan membantu pembaca meneliti kelebihan pekerjaan *part-time* dan langkah-langkah bersesuaian yang boleh mengubah tahap kewangan anda tanpa perlu meninggalkan pekerjaan tetap sedia ada. Buku ini memberi penerangan yang ringkas dan mudah difahami. Buku ini juga membongkar kesilapan-kesilapan yang sering dilakukan orang ramai dalam mencari wang dan cara memperbaikinya agar menjadi lebih baik. Turut dipaparkan tip mengenai pelbagai pekerjaan yang boleh dilakukan secara *part-time*.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



SAAT SUKAMI
Pelaburan emas : kaedah, pendekatan dan strategi
Batu Caves, Selangor : PTS Professional Pub., 2011.
164ms.
ISBN 978-967-369-108-1

Buku yang mempunyai 164 halaman ini membincangkan peranan emas dalam membantu kita merancang pelaburan pada masa hadapan. Buku ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama, mendedahkan tentang aspek-aspek fizikal, luaran dan sebagainya mengenai emas. Bahagian kedua menceritakan tentang cara harga emas ditentukan, kaedah pelaburan dan juga tempat hendak membuat pelaburan. Bahagian ketiga menceritakan tentang aspek pelaburan termasuk soal analisis, risiko dan strategi dan lebih menjurus kepada cara memanfaatkan emas bagi melawan tekanan inflasi dalam cara yang lebih santai. Bahagian terakhir memberi penerangan mengenai penipuan dalam pelaburan emas yang mesti kita ambil perhatian dan cara-cara mengira zakat. Secara keseluruhan, buku ini ditulis bagi memberikan maklumat teknikal berkaitan emas secara fizikal dan beberapa teknik pelaburan. Buku ini bukan manual intensif bagi pelabur-pelabur yang bersifat agresif bagi menjana keuntungan segera seperti di pasaran saham tetapi untuk mereka yang bersifat ingin tahu dan berminat melibatkan diri dalam pelaburan emas.

\SINOPSIS BUKU




JAMAL @ NORDIN
YUNUS ... [et al.]
**Pemikiran kritis dan
kreatif**

Petaling Jaya : Pearson
Malaysia, 2011. 164ms.
ISBN 978-967-349-106-3

Pemikiran melibatkan proses pencarian jawapan dan mencapai makna atau pengertian bagi perkara-perkara tertentu. Pemikiran juga merupakan proses yang terancang dan mempunyai kawalan untuk memberikan jawapan atau keputusan terhadap perkara yang mempunyai kawalan untuk memberi jawapan atau keputusan terhadap perkara yang difikirkan. Setiap individu memiliki cara dan kecenderungan berfikir yang berbeza sama ada secara kritis mahupun secara kreatif. Kedua-dua jenis kemahiran ini memainkan peranan yang amat penting dalam membina keupayaan individu agar dapat menyelesaikan masalah atau membuat keputusan dengan bentuk dan tepat serta mengemukakan pendapat atau idea-idea baru hasil daripada pemikiran secara kritis dan kreatif. Objektif pembelajaran di setiap permulaan bab berupaya membantu pembaca untuk memahami isi bab dengan lebih berkesan dan berfokus. Turut disertakan soalan-soalan perbincangan di akhir setiap bab bagi menilai kefahaman pembaca. Penggunaan laras bahasa yang mudah dapat memberikan kefahaman yang lebih jelas terhadap huraian yang diberikan. Penulis berharap buku ini dapat memberikan gambaran komprehensif kepada pembaca mengenai pemikiran kritis dan kreatif.

SINOPSIS BUKU



SYAHRUL NIZAM JUNAINI
& NAZRI KADIR
Pengaruh gaya Trump
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2011. 157ms.
ISBN 978-967-369-093-0

Buku ini memberi panduan dan teknik kepada pembaca bagi membina daya pengaruh berdasarkan panduan yang diberikan oleh Donald Trump, ikon perniagaan terkemuka. Terdapat dua bahagian dalam buku ini iaitu berpengaruh gaya Trump dan terdapat sembilan gaya-gaya yang dibincangkan. Antara gaya-gaya tersebut ialah Trump sebagai jururunding berpengaruh, sebagai pemikir berpengaruh, sebagai mentor berpengaruh, sebagai jutawan berpengaruh dan sebagai pemimpin berpengaruh. Bahagian kedua pula membincangkan topik kepimpinan gaya Trump seperti visi, pengaruh, personaliti dan rumusan kepimpinan tokoh berkenaan. Daya pengaruh menjadi topik utama buku ini kerana apabila kita mempunyai ilmu pengaruh, setiap tugas dapat diselesaikan dengan mudah serta konflik dan stres dapat dielakkan. Buku ini turut memuatkan personaliti lain yang pastinya mempunyai karisma pengaruh yang tersendiri seperti junjungan besar yang dimuliakan, Nabi Muhammad S.A.W., para sahabat nabi iaitu Mus'ab bin Umair dan Ali bin Abi Talib, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Tan Sri Mokhtar al-Bukhary, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Arif, Dato' Dr. Fadzilah Kamsah dan Azizi Ali. Justeru, buku ini dapat memberikan teknik-teknik bagaimana daya pengaruh itu dapat dibina dan dikenalkan ala gaya Trump.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




BAHIZAL ABU BAKAR
Pengurusan konsert : panduan dan amalan
Batu Caves, Selangor :
Bahizal Abu Bakar, 2011.
131ms.

ISBN 978-967-10511-0-8

Buku ini ditulis berdasarkan catatan pengalaman sebenar penulis sepanjang bertugas menganjurkan konsert dalam berbagai-bagai tugas dan peranan di Istana Budaya serta mendapatkan rujukan daripada pelbagai sumber termasuk laman web, buku serta individu yang terlibat secara langsung dalam pengurusan konsert. Keseluruhan buku ini memuatkan maklumat perjalanan sesebuah konsert dari mula hingga konsert selesai. Setiap konsert berskala kecil ataupun besar memerlukan sistem perancangan dan pengurusan yang betul. Garis panduan untuk tenaga kerja juga disertakan untuk memudahkan individu yang terlibat dalam pengurusan konsert memahami bidang tugas masing-masing dan tahu apa yang perlu dilakukan. Format carta, jadual, lakaran pentas serta lain-lain dokumen daripada konsert sebenar turut disertakan. Buku ini sesuai dijadikan panduan kepada individu yang berminat dalam pengurusan konsert kerana bidang ini boleh menjana pendapatan yang lumayan sekiranya dilakukan dengan betul.


SINOPSIS BUKU



SHUKRI ZAIN
Penyeliaan pendidikan : teori dan amalan
Tanjong Malim, Perak :
Emeritus Publications,
2011. 167ms.
ISBN 978-967-5917-18-9

Buku ini cuba mengupas mengenai latar belakang dan konsep penyeliaan untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada institusi yang melaksanakan penyeliaan. Penyeliaan secara terdisi adalah merupakan penyeliaan formal terhadap guru yang dijalankan di dalam bilik darjah. Kaedah ini juga mempunyai persamaan dengan penyeliaan secara klinikal iaitu kebanyakannya penyeliaan dijalankan hanya untuk menilai keberkesanan dan kesesuaian sesuatu pengajaran. Selain itu profesional, perkara seperti kawalan kelas, aspek keselamatan pelajar, perhubungan antara guru dengan pelajar juga diperhatikan semasa proses penyeliaan itu dilakukan. Penyeliaan secara teorinya adalah proses bimbingan untuk penambahbaikan amalan dalam pengurusan kurikulum, pentadbiran dan kokurikulum di institusi pendidikan seperti sekolah. Tugas-tugas penyeliaan melibatkan gandingan tenaga dan usaha antara penyelia untuk memastikan hubungan itu bermakna dan bermanfaat kepada para guru yang diselia. Seseorang penyelia pengajaran (instructional supervisor) adalah merupakan nadi kepada proses itu dan tanggungjawab adalah untuk mempertingkatkan program pengajaran di sekolah dan sistem persekolahan keseluruhannya. Buku ini bermanfaat khususnya pihak pengurusan pendidikan supaya dapat mengenali dunia penyeliaan dalam profesi perguruan.

SINOPSIS BUKU




GALLO, CARMINE
The presentation secrets of Steve Jobs. Ed. bahasa Melayu
Kuala Lumpur : PTS Professional Pub., 2011.
274ms.
ISBN 978-967-369-113-5

Buku ini adalah terjemahan daripada versi bahasa Inggeris yang mengandungi pelbagai tip, teknik dan rahsia penyampaian Steve Jobs, CEO Apple. Beliau dikatakan penyampai dan pembentang yang hebat di peringkat dunia dalam mempromosikan produk terbaru jenama popular tersebut sama ada di majlis pelancaran mahupun di majlis rasmi. Antara yang dapat dikongsi dalam buku ini ialah bagaimana Steve Jobs menyediakan mesej, mempersempahkan idea, mewujudkan suasana penuh bersemangat bagi produk, menyampaikan pengalaman serta mewujudkan peminat setia produk berkenaan. Hasil daripada mempelajari teknik yang betul akan dapat membantu menyampaikan pembentangan yang hebat dan produk dapat dijual dengan lebih baik. Buku ini menggunakan gaya bahasa yang mudah dan menarik untuk dijadikan panduan dalam mempelajari seni penyampaian yang betul dan berkesan. Penulis mempelajari dan menganalisa penyampaian Steve dan kemudian berkongsi rahsia penyampaian yang terbukti berkesan setiap masa. Menggunakan pendekatan revolusi ini, pembaca pasti terkejut mengetahui betapa mudahnya menjual, berkongsi keterujaan dan seterusnya membuatkan para penonton terpegun melihat penyampaian anda.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




MAXWELL, JOHN C.
**Rahsia seni berhubung =
Everyone communicates,
few connect. Ed. bahasa
Melayu**

Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2011. 246ms.
ISBN 978-967-369-090-9

Menurut pakar kepimpinan bertaraf dunia, John C. Maxwell, sekiranya anda mahu berjaya, anda perlu mempelajari seni berhubung dengan orang lain. Ada di antara kita dapat melakukannya secara semulajadi, namun hakikatnya sesiapapun dapat mempelajari cara menukar setiap komunikasi tersebut kepada peluang bagi mewujudkan hubungan yang berkesan. Berhubung adalah kebolehan mengeratkan silaturahim dengan orang lain dan membina hubungan sehingga meningkatkan pengaruh kita dalam diri mereka. Buku ini mendedahkan rahsia cara membina jalinan dengan orang lain dengan lebih efektif. Dalam bahagian pertama buku ini, terdapat lima prinsip asas bagi memahami cara berhubung dengan orang lain. Dalam bahagian kedua pula, terdapat lima amalan berhubung yang boleh dilakukan oleh semua golongan tanpa mengira usia, pengalaman, ataupun kebolehan. Buku setebal 246 halaman ini sesuai dibaca bagi mereka yang ingin menambah pengaruh dalam semua situasi kerana berhubung merupakan satu kemahiran yang boleh dipelajari.

SINOPSIS BUKU




SHARIF PUTERA
**Razali Ismail : arkitek
pendidikan negara**
Kuala Lumpur : Utusan
Publications & Distributors,
2011. 282ms.
ISBN 978-967-61-2506-4

Anak kelahiran Kuala Berang, Kuala Terengganu dan merupakan anak ke-8 kepada Ismail dan Siah. Amat meminati bidang sejarah dan bidang perguruan menjadi pilihan. Walaupun seorang guru, beliau berminat dalam teater, sangat komited dengan drama, baik sebagai penulis skrip, pelakon mahupun pengarah sehingga dapat menaikkan nama sekolah SMTAI dalam bidang kebudayaan dan kesenian. Sifat kesederhanaan dalam kehidupan dapat dilihat semasa menjadi ahli parlimen dan menjadi Timbalan Menteri Pelajaran, kereta Kelisa yang dipandu untuk menemui para pengundi di kawasannya. Sikap peramah dan rendah diri telah menjadikan beliau seorang yang disayangi oleh rakan dan taulan. Pendekatan mesra dengan semua pekerja adalah kawan atau sahabat yang diterjemahkan dalam tindakan sehari-hari menjadikan nama Razali Ismail terpahat erat dalam sanubari warga pendidikan di Terengganu. Pada awal pelantikan tokoh ini sebagai Pengarah Pelajaran Terengganu, ada beberapa pihak tidak dapat menerimanya, namun setahun kemudian warga pendidik dan pihak pengurusan telah melihat kewibawaan tokoh ini. Sekiranya ingin menjadi warga pendidik yang berjaya, bacalah buku ini kerana banyak panduan, nasihat, pedoman dan motivasi yang boleh dipraktikkan dalam tugas harian.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



AZZAH A.R.
**Shamsiah Fakeh :
pejuang, pemimpin dan
perempuan**
Batu Caves, Selangor :
PTS Litera Utama, 2011.
267ms.
ISBN 978-967-5783-44-9

Novel ini menceritakan mengenai sejarah Shamsiah Fakeh sejak awal kelahiran, zaman kanak-kanak, persekolahannya dan kehidupan remaja. Dalam novel ini, juga banyak menceritakan tentang pengalaman hidup Shamsiah Fakeh semasa berada di dalam hutan dan bagaimana dia boleh memasuki Komunis. Novel ini turut menjawab persoalan sama ada beliau seorang komunis, sama ada beliau membunuh anaknya dan sama ada beliau penderhaka negara. Kisah peribadi Shamsiah Fakeh iaitu berkenaan kisah pernikahannya juga ditampilkan dalam novel ini. Ketokohan Shamsiah Fakeh dalam memperjuangkan kemerdekaan serta menaikkan semangat nasionalisme mulai terserlah ketika dia mula melibatkan diri bersama-sama dengan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) menjalankan kempen untuk memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajah. Menjadi pemimpin bagi sayap parti tersebut dengan mengetuai Angkatan Wanita Sedar (AWAS) sehingga menganggotai (Parti Komunis Malaya) PKM. Seterusnya, beliau menjadi pejuang kemerdekaan melalui PKM. Buku ini amat sesuai dibaca terutamanya bagi golongan remaja.


SINOPSIS BUKU



TRACY, BRIAN
Speak to win. Ed.
bahasa Melayu
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2011. 175ms
ISBN 978-967-369-109-8

Buku *Speak to Win* ditulis oleh Brian Tracy berdasarkan pengalaman sebenar dan kepakaran beliau bercakap. Penulis menekankan betapa pentingnya kita bijak bercakap, serta menekankan perihal orang yang berpengaruh mampu meraih hormat dan harga diri dari orang lain. Keupayaan bercakap yang baik turut menyakinkan orang lain betapa kita lebih berbakat daripada orang yang tidak bercakap. Menurut ahli psikologi, tahap harga diri atau berapa banyak kita menyukai diri sendiri berperanan besar dalam menentukan kualiti dalaman dan luaran kita. Buku ini menunjukkan bagaimana cara mempercepatkan proses berkomunikasi dengan memuaskan, yakin dan jelas. Pada yang berpengalaman, buku ini memberi teknik, taktik dan kaedah berkomunikasi yang hebat dalam setiap bidang seperti perniagaan, politik dan kehidupan peribadi. Ia juga menunjukkan cara menguasai seni berucap terhebat. Selain itu, keupayaan berucap dengan penuh yakin tanpa mengira jumlah audiens adalah kunci utama bagi mendaki tangga profesional serta membenarkan kita, bukan sahaja berkomunikasi dengan efektif, malah menguasai kemahiran menukar minda audiens mengenai subjek yang kritikal demi kejayaan bersama.

SINOPSIS BUKU



AS-SIRJANI, RAGHIB &
AL-MADARI, AMIR
Spiritual reading : hidup lebih bermakna dengan membaca

Kuala Lumpur : Alam Raya Enterprise, 2011. 183ms.
ISBN 978-967-5688-12-6

Kegemilangan dan kejayaan sesebuah negara itu bergantung kepada rakyat yang berilmu dan berpengetahuan. Ilmu pengetahuan diperolehi melalui pengalaman, penelitian, pengamatan, dan pembacaan. Buku ini memberitahu syarat membaca, yang selama ini kita tidak mengetahuinya. Penulis memberikan 10 cara menyemaikan minat membaca dan bahan bacaan yang bagaimana yang sesuai untuk dibaca. Keperluan membaca itu adalah penting kepada semua orang dan penulis telah memberi penjelasan yang baik akan keperluannya. Suruhan Allah S.W.T agar kita membaca adalah merupakan suatu hikmah yang tidak dapat digambarkan atau dipegang dengan tangan kerana akan dijelmakan keindahan faedahnya pada suatu masa yang tidak ditentukan. Buku ini turut menjelaskan siapakah yang boleh membantu dalam memberi peranan untuk menggalakkan masyarakat membaca dan tata cara membaca yang efektif. Kepelbagai cara dan kaedah diberikan agar kita dapat membaca dengan cepat dan bagaimana kita dapat menguasai apa yang dibaca menjadi salah satu penjelasan dari buku ini. Pembaca dari pelbagai peringkat dan golongan amat sesuai membaca buku ini kerana ianya juga memuatkan hal-hal lain yang berhubung dengan pembacaan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




MOHD MASYAAL
HASBULAH & ALIAS
AZHAR
Terjah bisnes MLM
Jitra, Kedah : Bitara
Media, 2011. 123ms.
ISBN 978-967-10220-0-9

Multi level marketing (MLM) adalah sistem perniagaan jualan langsung yang agak unik dalam beberapa hal berbanding sistem perniagaan yang lain. Penulis telah mengupas dengan cara mudah difahami meliputi konsep asas MLM, iaitu berdasarkan perlaksanaan semasa, digerakkan atau operasinya berjalan dalam bentuk pelan atau jaringan yang dibina oleh sesuatu syarikat. Kandungan buku ini menerangkan kepentingan dan keistimewaan perniagaan MLM supaya persepsi pembaca dan masyarakat dapat diubah dari pemikiran negatif kepada positif antaranya dapat membantu memecahkan pasaran yang terbatas dan terhad akibat halangan tertentu terutama kepada peniaga yang mempunyai modal kecil berbanding syarikat gergasi antarabangsa serta mereka yang tidak mampu menanggung kos pemasaran yang tinggi. Keistimewaan perniagaan ini dapat dirasai oleh pengedar produk dan pengguna produk. Walaupun pada mata kasarnya perniagaan ini sama dengan sistem piramid, terdapat beberapa perbezaan yang perlu diketahui oleh pembaca supaya masyarakat dapat menilai kebaikan perniagaan MLM ini.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




PEASE, ALLAN &
PEASE, BARBARA
**Why men don't listen
and women can't read
maps. Ed. bahasa
Melayu**
Kuala Lumpur : PTS
Millenia, 2011. 311ms.
ISBN 978-967-5564-62-8

Lelaki dan perempuan adalah berbeza. Bukanlah satu jantina lebih baik dari yang lain. Ahli sains, ahli antropologi dan ahli sosiobiologi mengetahui fakta ini semenjak dahulu lagi. Namun, mereka sedar mereka tentu disisih dan dikritik apabila menyuarakan kenyataan ini kepada orang ramai yang inginkan semua perkara berjalan dengan lancar dan betul. Masyarakat hari ini masih mahu mempercayai bahawa lelaki dan perempuan mempunyai kemahiran, kebolehan dan potensi yang sama. Ia masih dikekalkan walaupun sains mula membuktikan yang kedua-dua jantina adalah berbeza. Buku ini mendedahkan penemuan kajian dalam hubungan lelaki dan perempuan. Kesimpulan yang diperolehi agak kontroversi dan bertentangan dengan pendapat umum dan kadangkalanya tidak menyenangkan. Akan tetapi, ia memberi kita pemahaman yang lebih kukuh dan menyeluruh perihal perkara-perkara aneh yang berlaku antara lelaki dan perempuan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



ASMADI YAKUB &
MUSTAFFA ABDULLAH
**Yusoff Zaky Yacob : dian
yang tak kunjung padam**
Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka,
2011. 272ms.
ISBN 978-983-46-0523-0

Dato' Yusoff Zaky bin Yacob merupakan contoh pengarang besar yang serba boleh. Kecenderungan Dato' Yusoff Zaky Yacob dalam bidang penulisan memang tidak dapat disangkal lagi dengan kehadiran sejumlah besar karyanya dalam pelbagai isu. Minat serta kegigihan beliau dalam bidang penulisan sebenarnya bermula seawal usia remaja lagi. Karya pertama beliau telah dihasilkan ketika berusia 10 tahun memperkatakan mengenai permasalahan sosial dan pendidikan di kalangan orang Melayu. Manakala, buku pertama beliau yang berjudul "Membela Demokrasi" yang diterbitkan pada tahun 1944 dihasilkan ketika berusia 16 tahun. Sumbangan terbesar beliau dapat dilihat daripada usaha gigihnya dalam menyiapkan terjemahan lengkap Tafsir fi Silal al-Quran karangan Sayyed Qutb. Pembaca harus mengikuti rentetan helaian demi helaian buku ini untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai tokoh ini. Kebanyakan ejaan asal petikan di dalam buku ini sengaja dikekalkan daripada sumber asal untuk memudahkan kajian dan bandingan. Penulis berharap buku ini dapat memberi impak yang besar kepada perkembangan ilmu pengetahuan, khususnya terhadap ilmu tafsir itu sendiri.